


Wira Bicentennial



Zarina Sidik

Nabil duduk sambil **membelek-belek** buku yang ada di tangannya.

“Sir Stamford Raffles... siapakah beliau? Nama beliau macam pernah aku dengar,” kata Nabil kepada dirinya.

“Bukankah beliau jejaka yang ... patungnya terletak di Sungai Singapura? Menurut Cikgu Zakirah, Encik Stamford Raffles ialah orang yang bertanggungjawab memajukan Singapura,” fikir Nabil.



Tiga minggu lagi, Nabil dan Nabilah serta kawan-kawan sedarjahnya akan **berdarmawisata** ke Sungai Singapura. Mereka akan menjelaki Sungai Singapura dan mempelajari sejarah Singapura.

Nabil yang suka membaca buku-buku sejarah, berasa amat teruja. Dia tidak sabar untuk menyertai darmawisata itu. Beberapa hari sebelum lawatan tersebut, Nabil telah melungsuri Internet untuk mendapatkan lebih maklumat tentang sejarah Sungai Singapura.

Hari yang dinanti-nantikan tiba. Selepas upacara menaikkan bendera dan membaca ikrar, murid-murid menuju ke bas yang akan membawa mereka ke Sungai Singapura. Sepanjang perjalanan di dalam bas, seorang **pemandu pelancong** memberikan taklimat tentang lawatan itu dengan lebih **terperinci**.


Bas yang dinaiki itu berhenti di belakang Panggung Victoria. Bermula dengan kawasan Raffles mendarat, mereka memulakan **penjelajahan**.

Di kawasan itu terdapat empat buah patung putih yang berkaitan dengan sejarah Singapura. Menurut



Pejabat Bicentennial Singapura, patung-patung itu baru dibina sempena memperingati kedatangan

Raffles 200 tahun yang lalu. Patung-patung itu merupakan **tokoh-tokoh** yang telah menyumbang kepada pembangunan Singapura.



Cikgu Zakirah memulakan penerangan tentang Sang Nila Utama atau dikenali sebagai Sri Tri Buana. Pada tahun 1299, Sang Nila Utama, anak raja dari Palembang tiba di Singapura. Singapura pada ketika itu dikenali sebagai Temasek. Semasa Sang Nila Utama menjakkan kaki di Temasek, beliau telah bertemu dengan seekor binatang yang berbadan merah, berkepala hitam dan

berdada putih yang sangat gagah. Sempena nama binatang itu, Sang Nila Utama telah menamakan pulau Temasek, Singapura.

Menurut sejarah, Encik Stamford Raffles telah menjakkan kaki di Sungai Singapura pada 28 Januari 1819.

Di Sungai Singapuralah, beliau dan pegawai-pegawaiannya telah mendarat. Semenjak itu, beliau dan para pegawaiannya telah membangunkan Singapura menjadi sebuah **pusat perdagangan** bebas. Pusat perdagangan ini telah berjaya menarik pedagang-pedagang dari Arab, Pulau Bawean, Makassar, Gujerat, China dan banyak lagi. Dari sitolah kita mengenali tokoh-tokoh lain seperti Munsyi Abdullah, Tan Tock Seng dan Naraina Pillai. Mereka adalah tokoh-tokoh penting di dalam sejarah Singapura.

Abdullah Munsyi bin Abdul Kadir dianggap sebagai bapa sastera moden. Beliau juga menguasai bahasa Tamil, Arab, Hindustani dan Inggeris. Beliau pernah melibatkan diri dalam kerjaya sebagai



guru, penterjemah buku dan penulis buku. Beliau telah bertugas sebagai penyalin dokumen kepada Encik Stamford Raffles. Menurut sejarah, Munsyi Abdullah merupakan **setiausaha**, jurubahasa dan tutor bahasa Melayu Raffles. Beliau yang telah **mendokumentasikan** peristiwa penting di Singapura selepas Raffles mendarat di sini. Encik Tan Tock Seng pula datang ke Singapura pada tahun 1819 dan merupakan dermawan dan pemimpin masyarakat Cina. Beliau terkenal sebagai penderma utama kepada Hospital Tan Tock Seng. Bagi

memperingati jasanya, patungnya juga telah dibina di kawasan Sungai Singapura.


Akhir sekali adalah Encik Naraina Pillai. Beliau juga datang ke Singapura pada tahun 1819. Beliau mula bekerja sebagai kerani sebelum menjadi seorang usahawan yang berjaya. Beliau banyak menyumbang kepada masyarakat Hindu, termasuk pembinaan kuil Sri Mariamman pada tahun 1827.

Semua murid termasuk Nabil dan Nabilah sedang sibuk menulis informasi-informasi yang diberikan oleh Cikgu Zakirah. Selepas memberikan penerangan yang sungguh panjang lebar itu, Cikgu Zakirah pun mengajak murid-murid bergerak ke destinasi yang seterusnya.

Nabil masih sibuk mencatatkan beberapa informasi. Apabila dia sedari, Cikgu Zakirah dan kawan-kawan yang lain sudah tidak ada di situ lagi. Dia mulai panik. Dia mencari telefon bimbitnya untuk menghubungi Nabilah. Namun, Nabilah tidak

menjawab panggilan itu. Nabil menjadi semakin **panik**. Dia mundar-mandir di kawasan itu tetapi tidak juga bertemu mereka.

Dia cuba menenangkan dirinya. "Ah, di hadapan itu ialah Muzium Tamadun Asia! Lebih baik aku tunggu di situ. Cikgu dan kawan-kawan yang lain akan ke sana pada akhir lawatan hari ini," kata Nabil mendapat



akal. Nabil pun berjalan menuju ke Muzium Tamadun Asia.

Nabilah dan kawan-kawannya sudah pun berada di Jambatan Elgin. Selain Jambatan Elgin, terdapat juga jambatan-jambatan lain seperti Jambatan Cavenagh dan Jambatan Anderson.

Guru mereka juga telah menceritakan kepada mereka tentang Merlion. Kepala Merlion yang seperti singa dan badan seperti ikan, merupakan ikon bagi negara Singapura. Taman Merlion sekarang ini terletak di muara Sungai Singapura dan tidak jauh dari Esplanade.

Cikgu Zakirah juga menerangkan bahawa bangunan Esplanade yang berbentuk seperti durian itu ialah pusat seni. Selepas itu, mereka pun menuju ke Muzium Tamadun Asia. Sebelum bergerak, Cikgu Zakirah menghitung jumlah murid. Beliau kelihatan cemas apabila mendapati Nabil tiada bersama mereka. Nabilah juga baru sedar bahawa abangnya tiada bersama. Dengan segera, dia menelefon Nabil.

“Cikgu, Nabil menunggu kita di Muzium Tamadun Asia. Dia tersesat tadi,” kata Nabilah memberitahu.

“Nabil, kita di sini,” teriak Nabilah kepada Nabil sejurus terlihat kelibat Nabil di Muzium Tamadun Asia. Dia berasa amat lega melihat abangnya di situ.



“Abang menelefon Nabilah tadi tetapi Nabilah tidak menjawab panggilan itu,” kata Nabil.

“Maafkan Nabilah, Abang. Telefon adik di mod gegaran tadi. Sebab itulah Nabilah tidak mendengar panggilan Abang,” jawab Nabilah meminta maaf semasa melangkah masuk ke ruang pameran.



Glosari

membelek-belek	memerhati dengan teliti
berdarmawisata	melawat sambal belajar beramai-ramai
sejarah	peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu lampau
penjelajahan	perihal menjelajah
pemandu pelancong	orang yang menunjukkan jalan kepada pelancong
terperinci	dihuraikan dengan butir-butirnya
tokoh-tokoh	orang-orang yang kenamaan dalam sesuatu bidang
pusat perdagangan	sebuah tempat di mana pembelian dan penjualan barang diadakan
setiausaha	pegawai yang mengendalikan pentadbiran
mendokumentasikan	mengusahakan (dengan mengumpul, menyusun, merakam dan sebagainya) sehingga tersedia sebagai dokumentasi



Trivia

Tahukah kamu mengapa Munsyi digelar Bapa Sastera Melayu Moden? Hasil-hasil penulisannya menggunakan teknik atau stil penulisan moden, yang lazimnya tidak terdapat dalam karya sastera Melayu lama. Karyanya tidak bersandarkan kepada cerita-cerita dongeng dan khayalan, sebaliknya karya-karyanya lebih terdedah kepada mesej-mesej positif dan progresif.



Aktiviti Bersama Keluarga

Ajak ibu bapa kamu ke Sungai Singapura untuk melihat patung-patung ini. Dapatkan ibu bapa kamu untuk ceritakan tentang sumbangan tokoh-tokoh ini kepada Singapura.

